

PhD pada usia 54 tahun

Umur tidak halang Ghani cipta kejayaan

Sinar (Kuantan) Selasa 12/10/10 ms 84


KUANTAN - Walaupun usia sudah mencecah 54 tahun, namun Dr Mohd Ghani Awang tidak pernah menganggap faktor usia sebagai penghalang untuk berjaya dengan cemerlang dalam akademik.

Berkat usaha gigih dan sokongan keluarga, pensyarah dan rakan-rakan, Mohd Ghani berjaya mengenggam Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) di Majlis Konvokesyen Ke-5 Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama 1030 graduan lain, baru-baru ini.

Pada majlis konvokesyen itu, Mohd Ghani graduan sulung UMP yang menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada Canselor UMP, Ke bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Haji Ahmad Shah.

Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP itu tidak pernah berputus asa dalam menuntun ilmu, malah ketika pengajian beliau pernah dimasukkan ke Unit Rawatan Kritikal (CCU).

"Saya menamatkan pengajian dalam keadaan tidak sihat setelah dua kali menjalani pembedahan angioplasty coronary heart artery



Ghani ditemani isterinya membetulkan jubahnya ketika menerima Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) di Majlis Konvokesyen Ke-5 Universiti Malaysia Pahang (UMP), baru-baru ini.

surgery, justeru kejayaan ini sebenarnya saya ingin saya kembalikan dengan mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana masih mahu membolehkan saya memotivasikan individu lain yang sedang membuat PhD untuk menamatkan pengajian mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan," katanya.

Ketika ditanya resipi kejaya-

annya, Mohd Ghani berkata, setiap hari beliau memperuntukkan masa sekurang-kurangnya satu jam untuk membuat penyelidikan bagi pengajian ijazah kedoktorannya itu.

"Kedua, kena tahu benar-benar mengenai penyelidikan. Bagi saya, PhD memang sesuatu yang mencabar dan sukar. Jadi, kita perlu banyak membaca, menelaah dan pasti-

kan setiap baris di dalam tesis itu kita sahah mengenainya. Semangat kena kuat, begitu juga dengan sokongan isteri dan kawan-kawan," katanya ditemani isterinya, Safinas Mohd Sharif, 43, di Majlis Konvokesyen yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP, Kampus Gambang.

Menurutnya, perancangan amat penting dan mesti dilaksanakan dengan penuh disiplin.

"Kita perlu membaca setiap hari, menelaah di dalam pejabat dan belajar pada malam hari di rumah mestilah menjadi rutin yang sihat," kata ayah kepada tiga putera dan tiga puteri ini.

Sepanjang berkhidmat di UMP, Mohd Ghani banyak mencipta kejayaan cemerlang khususnya dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Beliau sebelum ini pernah memperoleh pingat emas di Malaysia Technology Expo pada tahun 2007 dan tersenarai sebagai projek penyelidikan terbaik Mosti 2007.

Di samping itu juga, beliau turut mencipta Catatan Nota Format Ghani (CNFG) bagi membantu pelajar mendapatkan kaedah kemahiran orientasi belajar yang betul dan berkesan.